

Headline	ISSA 2016 mantapkan, industri gaharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	859 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,399



ISSA 2016 mantapkan industri gaharu



CONTOH gaharu bermutu tinggi yang dihasilkan - GAMBAR HIASAN

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriqahmad@utusan.com.my

GAHARU yang terhasil daripada pokok karas (*Aquilaria sp.*) telah digunakan sebagai bahan asas pembuatan minyak wangi sejak ribuan tahun dahulu.

Kebanyakan negara Asia adalah merupakan pengeluar utama gaharu ke seluruh dunia termasuklah Malaysia, namun di mana silapnya industri berkaitan produk tersebut kurang berkembang.

Menyedari akan situasi tersebut Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Perhutanan telah menganjurkan Simposium Sainifik Antarabangsa Gaharu ke 2 (ISSA 2016).

Penganjuran tersebut tidak lain adalah untuk memberi perhatian ke atas produk gaharu agar penghasilannya lebih mampan.

Menurut Pengerusi ISSA 2016, Prof. Madya Dr. Rozi Mohamed, simposium tersebut juga bertujuan menyediakan platform khas buat saintis dan semua pihak yang terlibat di dalam industri tersebut untuk bertemu.

"Pertemuan tersebut membolehkan mereka saling bertukar-tukar idea, maklumat dan pengalaman berkaitan konservasi, penyelidikan dan inovasi dalam industri gaharu.

"ISSA 2016 merupakan kesinambungan dari ISSA 2013 yang mana bukan sahaja akan meneruskan budaya pertukaran idea dan maklumat, malah menyebarkan dan mempertingkatkan perkongsian saintifik serta

teknikal berkaitan pengeluaran gaharu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan simposium tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Jelas Dr. Rozi lagi, kerjasama menerusi rangkaian penyelidikan profesional amat penting jika matlamat untuk meningkatkan kesedaran, mempromosi dan menyebarkan ilmu berkaitan gaharu.


"Simposium seperti ini mampu mendedahkan pihak seperti pengurus dan peladang karas, usahawan gaharu, penyelidik dari agensi kerajaan dan swasta serta pembuat polisi kepada pelbagai aspek penting dalam pengeluaran gaharu," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Wan Junaidi berkata, pokok karas merupakan spesies yang terancam dan telah disenaraikan bawah Apendiks II Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pernerdagangan Spesies Flora dan Fauna Terancam (CITES).

Jelasnya, biarpun begitu industri gaharu dilihat dapat membantu ekonomi negara serta manfaat kepada masyarakat jika diuruskan secara mampan.

"Industri ini juga menawarkan pelbagai peluang pekerjaan, perniagaan dan pelbagai produk untuk manfaat pelbagai pihak.

"Kerajaan memperuntuk dana khas untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penerokaan terhadap teknologi hijau dan industri gaharu merupakan antara salah satunya," ujarnya.



DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR tertarik dengan hasil berasaskan gaharu selepas merasmikan ISSA 2016 di Serdang baru-baru ini.

Tambahnya, dana tersebut telah diperuntuk menerusi pelbagai kementerian dan agensi dan disalurkan kepada lima universiti penyelidikan termasuklah UPM untuk menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi.

"Dalam pada itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut menyumbang kepada R&D dalam industri gaharu sejak tahun 1990-an lagi.

"Antara sektor yang diberi perhatian oleh FRIM adalah penanaman, konservasi, genetik, pengkulturan tisú serta pemprosesan dan fitokimia

(*phytochemical*)," katanya. Walau bagaimanapun katanya, usaha R&D yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkenaan gaharu tidak bermakna jika tiada penglibatan secara intensif daripada pihak industri itu sendiri.

Pada simposium tersebut pelbagai kaedah dan teknologi penting dalam konservasi, penyelidikan dan inovasi gaharu turut dibincangkan bagi memastikan pengeluaran dan kualiti gaharu mampu memberi pulangan yang tinggi.

Antaranya adalah kaedah genetik dan molekul biologi

gaharu, fisiologi dan ekologi spesies pokok pengeluar gaharu, penelitian terhadap faktor penekan dalam proses aruhan gaharu serta perbincangan penggunaan semua maklumat tersebut dalam membentuk sumber gaharu yang mampan.

Dalam pada itu, sebuah buku penyelidikan berkaitan gaharu juga turut dilancarkan iaitu *Agarwood: Science Behind the Fragrance*.

Buku tersebut merupakan pelopor dalam menangani pelbagai isu gaharu dari perspektif saintifik hasil suntungan Dr. Rozi.



POKOK Gaharu dewasa - GAMBAR HIASAN